

07/10/2003

Konfrontasi bukan cara selesai masalah

M Thillinadan

DENPASAR: Asean akan menggunakan pendekatan membina dan bukan konfrontasi dalam menangani isu penahanan rumah pemimpin demokrasi Myanmar, Aung San Suu Kyi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, konfrontasi bukan cara Asean dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapinya.

"Malaysia dan Myanmar adalah negara sahabat. Kita akan cuba sedaya upaya untuk memberi bantuan kepada mereka dalam menjayakan pembaharuan ke arah demokrasi yang sudah dimulakan oleh mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas menerima kunjungan hormat Perdana Menteri Myanmar, Khin Nyunt dan Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong di Hotel Bali Hilton International di Nusa Dua dekat sini, semalam.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengadakan kunjungan hormat kepada Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Bali. Turut serta, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ditanya mengenai pertemuannya dengan Khin Nyunt, Dr Mahathir berkata Perdana Menteri Myanmar menerangkan perkembangan di negaranya, khususnya mengenai pelaksanaan pembaharuan ke arah demokrasi.

"Saya bagi pandangan Malaysia dan kesediaan kita untuk membantu mereka ke arah itu. Kita mesti mengakui ada kemajuan dan mesti menghargainya. Kemajuan mesti berperingkat-peringkat, kita tidak boleh melakukan perubahan dalam satu hari," katanya.

Ditanya sama ada beliau menyentuh penahanan rumah yang dikenakan terhadap Suu Kyi, Dr Mahathir berkata: "Saya bincang mengenainya, tetapi ini adalah sesuatu yang harus diputuskan oleh kerajaan Myanmar sendiri."

Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai kira-kira jam 1.40 petang, untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean Ke-9 hari ini dan esok.

Ketibaan Dr Mahathir disambut Menteri Negara bagi Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Hatta Rajasa dan Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Hamidon Ali.

Sementara itu, ketika berucap pada Persidangan Perniagaan dan Pelaburan Asean (BIS) selepas menerima momento khas daripada BIS sempena persaraannya, Dr Mahathir berkata hubungan rapat dan kerjasama erat antara kerajaan dan sektor swasta sangat penting untuk memacu kemajuan negara.

"Jika negara mempunyai sektor swasta yang kuat maka negara akan berkembang dan maju dengan lebih cepat.

"Untuk mewujudkan sektor swasta yang kuat, kerjasama sektor swasta dan kerajaan sangat penting. Kerajaan mesti tolong mereka dan dengar aduan dan idea mereka. Kerajaan juga mesti mempunyai dasar mesra perniagaan.

"Di Malaysia kita perkenalkan dasar Malaysia Diperbadankan, yang telah banyak memberi manfaat kepada swasta dan kerajaan. Kita juga adakan sesi dialog dengan sektor swasta untuk mendapat pandangan, aduan, idea dan sama ada mereka mendapat kerjasama kerajaan sebelum bajet," katanya.

Selain itu, beliau berkata, dasar penswastaan yang dilaksanakan juga berjaya mengurangkan kos kerajaan kerana syarikat yang diswastakan turut mengambil bersama semua kakitangannya.

"Sebagai contoh kerajaan memperuntukkan RM100 hingga RM400 juta kepada Telekom Malaysia sebelum diswastakan tetapi kini mereka untung sehingga RM2 bilion. Kerajaan pula kini untung 28 peratus melalui cukai korporat

selain pendapatan daripada saham yang dimiliki kerajaan," katanya.

Menjawab pertanyaan wartawan Indonesia sama ada Asean akan menjadi lemah selepas beliau bersara, Dr Mahathir berkata, Asean mengamalkan kepemimpinan bersama dan tidak timbul soal seorang menguasainya.

"Tidak ada seorang pemimpin yang melakukan lebih daripada yang lain. Kami bekerjasama sebagai kumpulan. Kita hanya memberi pandangan dan idea," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak bimbang mengenai masa depan Asean.